

Tajuk : UiTM unggul ragbi MASUM 2012

: UTeM nekad lebih mencabar Siri 2

16

VARSITI BIL 117 | 12 - 18 April 2012

SUKAN

UiTM unggul ragbi MASUM 2012

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhvarsiti@bharian.com.my

PENGALAMAN luas lima pemain bawah 20 tahun kebangsaan menjadi pendukung utama kejayaan pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk dinobatkan juara kategori Cup Ragbi Tujuh Sepasukan Karnival Siri 1 Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2012.

Di pentas akhir di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Dua, UiTM selaku juara bertahan siri pertama tahun lalu tidak menghadapi masalah membenam pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 19-12.

Dalam saingan separuh akhir, UiTM berjaya menjinakkan Universiti Malaya (UM) 5-0 sementara UTM menewaskan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 20-12.

Ketua pasukan UiTM, Syahir Asraf Rosli, berkata pengalaman luas pemain terutama yang beraksi bersama skuad kebangsaan menjadi kelebihan utama kepada mereka untuk meraih kejayaan sulung tahun ini.

Beliau berkata, kejayaan itu menepati sasaran untuk merangkul kejuaraan sebelum bersaing pada siri kedua di Universiti Malaysia Perlis (UIMAP) seterusnya siri ketiga di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.

"Kejayaan ini diharap menjadi pembakar semangat seterusnya sebagai landasan terbaik kepada pemain untuk berusaha lebih gigih mengekalkan kejuaraan dalam saingan akan datang.

"Gandingan pemain lama dan baru



PEMAIN pasukan ragbi UiTM (baju hitam) dan UTM bergambar selepas majlis penyampaian hadiah karnival Siri 1 Sukan MASUM 2012 di padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Dua, Kuantan.

diharap menjadi pelengkap kekuatan pasukan yang mendapat sokongan padu pihak universiti," katanya yang berpuas hati dengan pencapaian membanggakan kali ini.

Beliau ditemui selepas Majlis Penyampaian Hadiah yang disempurnakan Presiden Kesatuan Ragbi Pahang, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman.

Tempat pertama dalam kategori Shield menjadi milik Universiti Malaysia Pahang (UMP), manakala UniSZA muncul

naib juara. Kategori bowl diungguli Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas mengalahkan Universiti Sains Malaysia (USM).

UMP menjadi tuan rumah Karnival Siri Sukan MASUM 2012 yang disertai lebih 1,000 atlet daripada 17 universiti seluruh negara membabitkan tiga acara iaitu ragbi, tae kwan do dan sepak takraw.

Dalam acara tae kwan do, UPM dinobatkan selaku juara, manakala tempat kedua dimenangi Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menduduki tempat ketiga. Bagi acara sepak takraw, regu UiTM 'A' muncul juara diikuti UPM dan UiTM 'B'.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata penyertaan menggalakkan atlet membuatkan karnival MASUM kali ini begitu meriah dengan semangat kesukanan yang begitu tinggi.

Beliau berkata sebagai penganjur, pi-

haknya berpuas hati apabila setiap pertandingan yang diadakan berlangsung dalam suasana ceria dengan matlamat memburu kemenangan bagi menjulang kejuaraan mengharumkan nama pasukan.

"Karnival MASUM kali ini menjadi gelandang kepada atlet yang akan bersaing pada Sukan Malaysia (SUKMA) termasuk memikul cabaran negara di pentas antarabangsa menguji kebolehan bersaing dalam kalangan mereka," katanya.



PASUKAN futsal PMM dengan hadiah kemenangan Liga Futsal IPT 2012 Zon Utara.

Politeknik Merlimau semakin berbisa

Oleh Abu Bakar Samat
bhvarsiti@bharian.com.my

PASUKAN futsal Politeknik Merlimau Melaka (PMM) muncul juara kategori lelaki dalam saingan Kejohanan Liga Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2012 Siri 1 Zon Utara, manakala pasukan futsal Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula muncul johan bagi kategori wanita.

Aksi bertenaga dan persefahaman ditunjukkan pemain PMM menyaksikan mereka membenam cabaran Kolej Komuniti Pahang (KKP), 4-1, pada perlawanan akhir yang dipenuhi aksi mendebarakan.

Sementara itu, aksi bertenaga dalam saingan akhir kategori wanita mengheret perlawanan membabitkan pasukan futsal UIAM dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke penentuan sepakan penalti selepas terikat 2-2 pada waktu permainan sebenar. Bagaimanapun, UMT gagal memanfaatkan peluang apabila pemain mereka gagal menyempurnakan sepakan penalti menyaksikan UIAM muncul juara dengan keputusan muktamad UIAM 2-1 UMT.

Juara siri 1 kategori lelaki menerima hadiah wang tunai RM3,000, sijil dan trofi; manakala bagi kategori wanita pula, juara membawa pulang wang tunai RM1,500. Sebanyak 114 pasukan daripada IPT, termasuk kolej komuniti dan politeknik berentap pada aksi siri 1 membabitkan 22 pasukan lelaki dan wanita.

Dibahagikan kepada tujuh zon iaitu Utara, Tengah Utara, Tengah Selatan, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak, kejohanan yang memasuki edisi ketiga itu dianjurkan bersama UIAM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Kejohanan yang diperkenalkan KPT itu adalah inspirasi Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, yang bertujuan menyediakan pelajar dengan kemahiran dan nilai tambah bagi muncul modal insan berkualiti.

Oleh Bob Faizeli Mohamed Din
bhvarsiti@bharian.com.my

PASUKAN Ragbi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memaparkan prestasi memberangsangkan sepanjang saingan Kejohanan Ragbi 7 Sebelah anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Siri 1 yang berlangsung, baru-baru ini.

Kejohanan yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu menyaksikan pasukan ragbi UTeM menamatkan saingan di tangga kedua kumpulan selepas berjaya mengenyepikan cabaran Universiti Sains Malaysia (USM) dengan mata 12-5.

Bagaimanapun rekod cemerlang UTeM lebur apabila tumbang pada aksi menentang Universiti Teknologi MARA (UiTM), namun masih layak ke saingan separuh akhir kategori Plate.

UTeM nekad lebih mencabar Siri 2

UTeM berjaya menguasai separuh pertama saingan separuh akhir pada pertemuan dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), namun menjelang aksi separuh kedua, UPNM kembali memaparkan aksi bertenaga dan menumbangkan UTeM.

Penyelaras Sukan Ragbi UTeM, Razali Yaakob, berkata prestasi ditunjukkan anak buahnya amat memuaskan, namun masih ada ruang boleh diperbaiki menjelang saingan Siri 2 yang akan bermula tidak lama lagi.

"Kita masih perlu memperbaiki taktikal dan strategi dalam pasukan. Secara

umumnya, mereka (pemain) sudah menunjukkan peningkatan dan dengan latihan berterusan, rasanya tidak ada masalah untuk terus menampilkan aksi bertenaga pada perlawanan seterusnya.

"Bagi memantapkan lagi aksi pemain, kita perlu memberikan pendedahan kepada mereka. Ini termasuk mendedahkan pasukan ini dengan pelbagai kejohanan di peringkat tempatan," katanya.

Pasukan ragbi UTeM sedang mengadakan latihan intensif bagi mengukuhkan corak permainan menjelang kejohanan MASUM Siri 2 yang akan diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



PEMAIN ragbi UTeM yang beraksi dalam Kejohanan Ragbi 7 Sebelah MASUM Siri 1 yang berlangsung di UMP, baru-baru ini.